



11 JUL, 2024

Kastam Sarawak rampas lebih 60kg dadah disorok dalam kotak perkakas rumah

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 3

Kastam Sarawak rampas lebih 60kg dadah disorok dalam kotak perkakas rumah

KUCHING: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak merampas kira-kira 60.67 kilogram dadah jenis Methamphetamine yang dianggarkan bernilai RM1.9 juta dalam satu operasi pada 4 Julai lalu.

Pengarah Kastam Sarawak Norizan Yahya berkata, terdahulu sepasukan pegawai kastam dari Bahagian Penguatkuasaan dan Cawangan Narkotik Sarawak melakukan pemeriksaan ke atas sebuah lori di pekarangan sebuah syarikat kargo di pusat bandar raya ini sekitar jam 3.50 petang hari berkenaan.

Menurutnya, pemeriksaan awal mendapati lori tersebut membawa kotak-kotak barangan perkakas rumah.

"Hasil pemeriksaan lanjut ke atas 10 kotak berkenaan telah membawa

kepada penemuan 60 pekete berwarna keemasan bercetak 'Guan Yi Wang' yang mengandungi ketulan kristal.

"Hasil ujian yang dilakukan ke atas ketulan kristal tersebut mendapati ia positif dadah jenis Methamphetamine atau syabu.

"Kesemua 60 pekete ketulan kristal berkenaan mempunyai berat kasar 60,670 gram yang keseluruhannya dianggarkan bernilai sekitar RM1,907,600," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Kastam Sarawak di sini, semalam.

Norizan berkata, dua lelaki tempatan berusia 20-an turut ditangkap dalam operasi tersebut untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 39B (1) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

"Siasatan lanjut masih dijalankan bagi

mengenal pasti rangkaian sindiket yang terlibat dalam kes ini.

"Dengan jumlah berat yang agak signifikan, maka kita tidak menolak kemungkinan ramai individu yang terlibat," jelasnya.

Mengenai modus operandi, Norizan memberitahu bekalan dadah tersebut dihantar menggunakan perkhidmatan kargo udara dari Kuala Lumpur ke Kuching.

"Suspek juga membuat pengiklanan tidak benar pada borang kastam iaitu menyembunyikan bahan narkotik bersama barangan perkakas rumah yang mana kita percaya bagi mengelak dikesan pihak berkuasa," katanya.

♦ [Lihat Muka 3](#)



TERUSDIGEMPUR: Norizan (tengah) bersama pegawai kastam menunjukkan hasil rampasan dadah pada sidang media di Ibu Pejabat Kastam Sarawak, Kuching semalam. — Gambar Bernama



11 JUL, 2024

Kastam Sarawak rampas lebih 60kg dadah disorok dalam kotak perkakas rumah

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Kastam Sarawak rampas lebih 60kg dadah disorok dalam kotak perkakas rumah

► Dari Muka 1

Sehubungan itu, JKDM mengesa orang ramai untuk sama-sama memerangi jenayah penyeludupan khususnya dadah, rokok, minuman keras dan lain.

Katanya, penyeludupan

bukan sahaja merugikan negara dari segi ketirisan hasil, malah turut mendatangkan ancaman keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

“JKDM menyeru orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang

aktiviti penyeludupan dengan menghubungi talian bebas tol kastam 1-800-88-8855 atau mana-mana pejabat kastam.

“Pihak kastam memberi jaminan identiti pemberi maklumat adalah dirahsiakan,” ujarnya.



11 JUL, 2024

Kastam Sarawak rampas lebih 60kg dadah disorok dalam kotak perkakas rumah

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



SUMMARIES

KUCHING: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak merampas kira-kira 60.67 kilogram dadah jenis Methamphetamineyang dianggarkan bernilai RM1.9 juta dalam satu operasi pada 4 Julai lalu. Pengarah Kastam Sarawak Norizan Yahya berkata, terdahulu sepasukan pegawai kastam dari Bahagian Penguatkuasaan dan Cawangan Narkotik Sarawak melakukan pemeriksaan ke atas sebuah lori di pekarangan sebuah syarikat kargo di pusat bandar raya ini sekitar jam 3.50 petang hari berkenaan.Menurutnya, pemeriksaan awal mendapati lori tersebut membawa kotakkotak barangan perkakas rumah.